

Gotong-royong Perdana 1Malaysia dapat sambutan

PROGRAM Gotong Royong Perdana 1Malaysia peringkat Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar dan kakitangan serta pensyarah universiti itu.

Acara dimulakan dengan senamrobi yang diketuai Penolong Pendaftar Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Mas Adi Alimin bersama Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Norhanizah Adnan dan kakitangannya yang diadakan di Dataran Laluan 1Malaysia, kelmarin.

Kehadiran kira-kira 1,000 pelajar dan staf membuktikan program yang diketuai Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslan Gimba bersama kakitangannya itu memberikan banyak

manfaat kepada warga UMS-KAL supaya terus bekerjasama mengadakan pelbagai aktiviti yang akhirnya menjulang nama satu-satunya institusi pengajian tinggi twam (IPTA) yang ada di Wilayah Persekutuan Labuan.

Program yang bermula seawal pukul 7.30 pagi itu dirasmikan oleh Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus yang mewakili Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yussof Mahal sekaligus membuktikan pemimpin masyarakat tempatan turut menghargai dan menyokong usaha yang murni itu.

Turut hadir Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang, Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Kamisah Husin, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Dekan SPKAL, Dr Lim Kian Ping.

Peserta gotong-royong

dibahagikan kepada empat zon iaitu Zon Tembok UMS-KAL yang diterajui Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Mattersah, Zon Laluan 1Malaysia (Norhanizah



PAPAN TANDA ... Yunus meletakkan papan tanda di Taman Replika Al-Haj berhampiran Masjid Al-Hikmah.

Adnan), Zon Replika Al-Haj oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Junaidi Kepli dan Zon Danau Damit yang diketuai oleh Jurutera Kanan, Jorin Matawas.

Dr Shariff berkata, program itu diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan kakitangan dan pelajar serta memupuk semangat berpasukan untuk membawa UMS-KAL ke arah kecemerlangan dan terkenal di peringkat antarabangsa.

Katanya, seiring dengan peletakan batu asas Taman Ilmu sebagai titik tolak untuk merealisasikan matlamat menjadikan UMS-KAL sebagai Kampus Ceria yang akan menjadi daya tarikan bukan sahaja kepada pelajar dari dalam dan luar negara malahan masyarakat yang muah melihat keindahan dan keunikannya.

Katanya, sebagai warga

SEMANGAT 1MALAYSIA ... (kanan)
Pelajar bergambar kenangan selepas meletakkan logo 1Malaysia di Laluan 1Malaysia.



PENUH KEPIMPINAN ... Kakitangan Bahagian Pentadbiran yang menjayakan program gotong-royong 2011.

Sementara itu, dalam ucapan alu-aluannya di buku cenderamata, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampom berkata sejarah dengan matlamat universiti ini untuk meningkatkan prestasi dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa, usaha berterusan perlu dilakukan oleh setiap warga universiti untuk meningkatkan kualiti dalam semua aspek.

pendidik dan kakitangan yang berdedikasi, kerjasama dan semangat berpasukan perlu diterapkan dalam pekerjaan sehari-hari.

“Saya berharap semangat ini terus dipupuk di hati dan sanubari kerana usaha mencemerlangkan universiti bukan sahaja terletak di bahu seorang pemimpin tetapi seluruh warganya seperti kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama



ALBUM ... Kakitangan Bahagian Keselamatan dan pelajar bergambar kenangan selepas menanam pokok buah-buahan di Zon Danau Damit.

dijunjung,” katanya.

Sementara itu, Roslan Gimba mengucapkan terima kasih kepada semua pelajar dan kakitangan yang bekerja keras menjadikan UMS-KAL sebagai sebuah universiti yang bersih dan indah melalui kerja-kerja mengelat garisan kuning, mengelat bahu jalan tepi parkir, mengecat tembok, membersihkan parit dan mengutip sampah.

“Pelajar dan kakitangan juga menanam pelbagai jenis pokok rendang, buah-buahan

dan herba bagi mewujudkan suasana yang cantik, indah dan menarik,” katanya.

Katanya, program itu bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara kakitangan dan pelajar selaras dengan slogan 1Keluarga 1Semangat 1UMS-KAL, menaburkan semangat satu pasukan yang sentiasa bekerjasama dan tolong-menolong dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai penjawat awam serta mewujudkan suasana kampus yang ceria, kreatif dan inovasi melalui penghasilan taman ilmu.



RASMI ... Yunus membunyikan hon sebagai simbolik perasmian program Gotong-Royong Perdana 1Malaysia UMS-KAL diperhatikan Shariff (dua kiri).



SENAMROBIK ... Shariff (dua kanan) bersama Ag Asri (kiri), Kamisah (dua kiri) dan Roslan (kanan) menyertai senamrobiik di Dataran Laluan 1Malaysia.

LEGA...Pegawai UMS-KAL bergambar kenangan selepas meletakkan lapan aspirasi di Logo 1Malaysia.

